

**NO. SOALAN : 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bilangan individu yang berjaya mendapat anugerah gelaran “Dato’, Datuk, Dato’ Paduka, Dato’ Seri, Tan Sri dan Tun” mengikut nama negeri-negeri, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan sehingga kini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Di peringkat Persekutuan, jumlah pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan yang membawa gelaran ‘Tun’, ‘Tan Sri’ dan ‘Datuk’ termasuk penerima yang telah meninggal dunia adalah seramai 2,170 penerima. Pecahan pengurniaan mengikut jenis kurniaan adalah seperti berikut:

<b>JENIS KURNIAAN</b>	<b>GELARAN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA</b>
<b>Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.)</b>	Tun	<b>42</b>
<b>Seri Setia Mahkota (S.S.M.)</b>	Tun	<b>43</b>
<b>Panglima Mangku Negara (P.M.N.)</b>	Tan Sri	<b>134</b>
<b>Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)</b>	Tan Sri	<b>854</b>
<b>Panglima Jasa Negara (P.J.N.)</b>	Datuk	<b>926</b>
<b>Panglima Setia Diraja (P.S.D.)</b>	Datuk	<b>171</b>
<b>Jumlah</b>		<b>2,170</b>

Jumlah kurniaan di atas adalah tertakluk kepada had kurniaan yang ditetapkan di dalam statut Darjah Kebesaran masing-masing.

Bagi pengurniaan Darjah Kebesaran di peringkat negeri, ia adalah kuasa prerogatif Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan rekod penerima diselaraskan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing. Pada masa ini Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri masih dalam proses mengumpulkan keseluruhan maklumat penerima Darjah Kebesaran Negeri-negeri bagi membangunkan satu pangkalan data komprehensif untuk rujukan.

Sekian. Terima kasih